

03 JUN 2003

Air-Negeri

MAJLIS SUMBER AIR NEGARA TAK DAPAT SOKONGAN PENUH KERAJAAN NEGERI

KUALA LUMPUR, 3 Jun (Bernama) -- Majlis Sumber Air Negara (MSAN) tidak dapat melaksanakan penyelarasan pembangunan dan pengurusan air di seluruh negara kerana tidak mendapat kerjasama dan sokongan penuh kerajaan-kerajaan negeri.

Timbalan Presiden Persatuan Air Malaysia (MWA), Tan Sri Rozali Ismail berkata salah satu sebab kerajaan-kerajaan negeri tidak memberi sokongan ialah kerana kerajaan negeri tidak mahu kehilangan hak mutlak terhadap sumber air.

"Kerajaan negeri berpendapat mereka akan kehilangan kuasa dalam (pengurusan) air jika Majlis Sumber Air Negara ini menguruskan sumber air di setiap negeri. Jadi mereka tak berapa setuju," katanya kepada pemberita di sini hari ini.

Sidang akhbar itu mengenai penganjuran satu kolokium sempena Hari Alam Sekitar.

Rozali berkata walaupun air terletak di bawah bidang kuasa negeri, namun kerajaan pusat melalui MSAN bercadang menyelaraskan pembangunan berkekalan sumber air bagi memastikan tiada perbezaan harga air di antara negeri-negeri.

Katanya, jika kerajaan negeri masih tidak memberikan sokongan terhadap majlis yang dicadangkan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu, masalah seperti perbezaan daripada segi pengurusan air dan pembiayaan untuk meningkatkan sumber air akan terus berpanjangan.

Rozali berkata sekiranya kerajaan negeri memberikan sokongan kepada MSAN, masalah air negara akan dapat diatasi kerana fungsi majlis adalah untuk menyelaraskan pentadbiran air.

"Masalah tidak cukup air yang dialami oleh negeri-negeri di seluruh negara akan dapat diatasi melalui majlis ini. Jika negeri lain tak cukup air, negeri itu akan meminta bantuan dari negeri lain dengan mudah kerana tiada perbezaan harga. Jadi ini tidak akan membebankan pengguna," katanya.

Katanya, melalui MSAN juga, persaingan daripada segi harga air di antara negeri akan dapat dikurangkan kerana harga air telah diselaraskan dan kerajaan seterusnya dapat menyalurkan air secukupnya kepada negeri-negeri yang mempunyai masalah kekurangan air.

Sementara itu mengenai kolokium itu, beliau berkata kolokium bertajuk "Pengurusan Air Berkekalan dan Media" yang akan diadakan pada 5 Jun bertujuan membincangkan isu pengurusan air, alam sekitar dan pengekalan sumber air.

"MWA komited menyokong kerajaan dalam usaha memastikan negara ini bebas daripada penyahgredan alam sekitar dan mengekalkan aliran pembangunan berkekalan...", katanya.

-- BERNAMA  
SSA KHY MOZ